

Mencari noktah masalah sosial remaja

Ragam & Pengajaran

Oleh AZHARI ZAINOIDDIN

Gambar AZWAN ZAHAR (Pelatih Cybernetics)

FIRMAN Allah SWT yang bermaksud: *Wahai orang-orang yang beriman! Pelihatlah diri kamu dan keluarga kamu dari api neraka yang bahan bakarnya daripada manusia dan batu (berhalas), neraka itu dijaga dan dikawal oleh malaikat-malaikat yang keras dan kasar (layanannya), mereka tidak menderhaka kepada Allah dalam segala yang diperintahkan-Nya kepada mereka dan mereka pula tetap melakukan segala yang diperintahkan.* (At-Tahrif: 6)

Peringatan demikian peringatan telah diturun oleh Allah SWT agar kita sentiasa menjaga dan menjauhkan diri daripada segala perkara-perkara mungkar yang ditegah.

Namun di sebalik kecanggihan teknologi dan kemodenan dunia kini, kita masih lagi tidak terlepas daripada cengkaman masalah sosial terutamanya yang melibatkan golongan muda.

Sabar hari ada sahaja ceritera kurang enak yang didengar mengenai salah laku remaja. Seolah-olah menunjukkan permasalahan tersebut bagi tiada berpengaruh.

Buang anak, lari dari rumah, penagihian dadah, seks bebas, seks song sang, derhaka kepada ibu bapa, gangsterisme dan ponteng sekolah sering menjadi tajuk-tajuk dalam laporan media.

Walaupun sering diperlakukan, isu gejala sosial masih juga tidak berkesudahan. Segala usaha yang diambil seolah-olah mencurau air ke daun keladi apabila itu ini dilihat semakin meruncing.

Sedar akan peranan tanggungjawab sosial yang perlu dimainkan dalam membantu menangani isu yang sudah dianggap sebagai barah dalam masyarakat ini, Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) menganjurkan *Diskusi Isu Sosial Semasa bertajuk Belia Muda dan Barah Sosial: Di Mana Akhirnya?* yang diadakan di Pusat Pembangunan Belia Islam, ABIM, Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Diskusi yang merupakan siri ketiga dianjurkan itu bertujuan membincangkan peranan, punca dan langkah yang perlu diambil bagi menyelamatkan generasi muda hari ini daripada terus dibenggu masalah sosial.

Menampilkan tiga ahli panel yang terdiri daripada Profesor di Jabatan Pemajuan Profesional dan Pendidikan Lanjutan, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof. Turiman Suandi; Pegawai Siasatan Jenayah, Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Gombak, Inspektor Fairuz Che Adnan dan Ketua Unit Tindakan Khas, Bahagian Pengurusan Penguatkuasaan, Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), Shahrom Maafrof.

Melalui diskusi itu, Turiman menyatakan, individu yang terlibat

Kerapuhan jati diri dan pertimbangan yang lemah adalah pendorong utama kepada seseorang individu untuk memilih jalan yang salah seterusnya terjebak dengan gejala sosial

dengan gejala sosial harus dipertanggungjawabkan terhadap kesalahan yang dilakukan.

"Apa pun yang berlaku adalah bermula daripada diri sendiri kerana pilihan dibuat oleh kita dan bukan menuduh jari meletakkan kesalahan kepada pihak lain.

"Kerapuhan jati diri dan pertimbangan yang lemah adalah pendorong utama kepada seseorang individu untuk memilih jalan yang salah seterusnya terjebak dengan gejala sosial ini," katanya.

Bagaimanapun, menurut Turiman, beliau tidak menolak wujudnya pelbagai faktor-faktor sampingan yang menarik golongan belia untuk mencuba perkara-perkara yang menyalahai norma kehidupan.

Jelasnya, ibu bapa, guru, rakan sebaya, tahap pendidikan, ekonomi, masyarakat dan penguatkuasaan lemah merupakan ejen pendorong yang menarik para remaja terjebak dengan pelbagai gejala sosial yang membimbangkan kini.

"Ibu bapa adalah insan yang paling hampir dengan remaja-remaja ini, jadi sepatutnya segala petunjuk awal yang mencerminkan remaja mula terjebak dengan masalah sosial dapat dihidiuh mereka.

"Ibu bapa sibuk dengan urusan masing-masing sehingga anak-anak mencari teman di luar. Akhirnya, menyebabkan mereka terpengaruh dengan pelbagai anasir-anasir negatif yang sememangnya sudah menunggu.

"Selain itu, ibu bapa juga gagal untuk memperkasakan institusi kekeluargaan dan menjadikan rumah sebagai tempat paling menarik untuk remaja menghabiskan masa," katanya.

Selain itu, tambah Turiman, masyarakat termasuk para guru harus memainkan peranan dalam membantu mengekang masalah sosial yang dihadapi remaja kini dan bukannya membuat persepsi negatif. Golongan ini seharusnya bersama-sama membantu menarik individu terlibat untuk kembali ke pangkal jalan.

"Sikap guru yang lebih menumpukan perhatian kepada pelajar cemerlang juga tidak sepatutnya berlaku kerana ia akan membuat pelajar yang lemah semakin rasa tersisih.


"Sepatuhan perhatian harus diberikan kepada pelajar yang lemah dan bermasalah kerana guru adalah pengganti ibu bapa di sekolah," jelasnya.



INDIVIDU yang terlibat dengan gejala sosial harus dipertanggungjawabkan terhadap kesalahan yang dilakukan. - Gambar hiasan



GURU adalah 'ibu bapa' di sekolah maka menjadi tanggungjawab guru membantu mengekang gejala sosial daripada terus menular. - Gambar hiasan



SHAROM MAAROF



FAIRUS CHE ADNAN



TURIMAN SUANDI

Kenali sifat dalaman anak-anak

Profesor di Jabatan Pemajuan Profesional dan Pendidikan Lanjutan, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof. Turiman Suandi berkata, ibu bapa harus lebih peka akan tanggungjawab mereka dan menghentikan sikap lepas tangan.

Katanya, kegagalan ibu bapa untuk melihat taring sebenar anak-anak sering menyebabkan ibu bapa tidak percaya akan perangai sebenar anak mereka di luar rumah.

"Memanglah anak-anak baik apabila di hadapan ibu bapa tetapi apabila di luar, bagaimanakah kelakuan anak-anak ini?"

"Ada di kalangan remaja ini, sebaik sahaja ibu bapa tidur, dia akan keluar bertemu dengan rakan-rakan sedangkan ibu bapa menyangka anak-anak turut sama tidur."

"Jadi ibu bapa harus meluangkan masa dengan anak-anak bagi

mengenali sifat dalaman yang disembunyikan," jelasnya.

Tambahnya lagi, sikap ibu bapa yang tidak ambil pusing akan tindakan anak-anak keluar dari rumah juga harus diperbetulkan kerana itu akan membuka ruang kepada remaja ini cenderung kepada gaya hidup tidak sihat.

"Contohnya seperti anak-anak minta izin untuk bermain futsal di malam hari dan ibu bapa membenarkan."

"Masalahnya adalah selepas bermain futsal itu anak-anak akan terus pulang ke rumah? Aktiviti selepas futsal itulah yang seluruhnya tidak diindahkan ibu bapa."

"Justeru semua pihak termasuk ibu bapa, guru masyarakat dan pihak berkuasa harus memainkan peranan bersama dalam menangani masalah ini," ulasnya.

Kes khalwat dominasi isu sosial babit remaja

BERDASARKAN statistik di Ibu Pejabat Daerah Polis Gombak, kebanyakan remaja yang terlibat dengan kegiatan jenayah adalah mereka berumur di bawah 19 tahun.

Pegawai Siasatan Jenayah, IPD Gombak, Inspektor Fairus Che Adnan berkata, mereka yang terlibat itu juga biasanya tidak menamatkan persekolahan sehingga ke peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

"Melalui operasi dan tangkapan yang dibuat, remaja yang terlibat ini ada yang berusia sekitar 15 hingga 19 tahun yang sudah tidak bersekolah."

"Ibu bapa harus sedar kalau mengikut akta dan undang-undang yang ada, kanak-kanak diklasifikasi bagi mereka yang berada di bawah usia 18 tahun."

"Jika disabit kesalahan, remaja ini juga boleh diambil tindakan tetapi hukuman tidaklah seterus pesalah dewasa," katanya.

Jelasnya, antara jenayah yang sering melibatkan golongan belia itu adalah penyalahgunaan dadah, bergaduh, ragut, jenayah siber dan pembuangan bayi.

Justeru jelasnya, pendekatan yang diambil pihak polis dalam mengekang gejala sosial itu adalah seperti mengadakan rondaan dan kerjasama dengan pihak sekolah bagi menyedarkan para remaja tentang

salah laku jenayah.

"Selain itu Kelab Cegah Jenayah bersama masyarakat setempat juga ada ditubuhkan bagi bersama membanteras peningkatan kadar jenayah," jelasnya.

Selain itu, bagi kesalahan syariah pulu, wakil Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), **Shahrom Maarof** berkata, melalui statistik yang dikeluarkan kes khalwat di kalangan remaja mendominasi kesalahan jenayah lain seperti judi, arak dan akidah.

Terangnya, bagi kesalahan tersebut, remaja di peringkat umur 15 hingga 20 tahun menunjukkan peningkatan daripada 73 kes pada tahun 2008 kepada 88 kes bagi tahun 2009 di seluruh negeri Selangor.

"Peningkatan lebih besar berlaku pada tahun 2010 apabila jumlah kes meningkat kepada 100 kes. Angka-angka ini tidak termasuk kesalahan sama bagi mereka berusia 21 hingga 30 tahun yang masing-masing mencatatkan jumlah 769 kes, 732 kes dan 575 kes bagi tahun 2008, 2009 dan 2010," jelasnya.

Katanya lagi, dalam usaha membanding gejala tidak bermoral itu, JAIS telah menganjurkan pelbagai program. Antara adalah seperti ceramah, nasihat dan program-program keagamaan.

Apa kata mereka

SEMUA pihak harus memainkan peranan penting terutamanya ibu bapa, guru dan pihak berwajib memandangkan masalah sosial remaja kini sangat membimbangkan.

Kita semua ada peranan masing-masing kerana isu ini bukan mudah untuk ditangani, ditambah pula dengan keadaan semasa dan faktor dorongan yang semakin banyak hari ini.

- KHAIRUL ANUAR ABDUL MANAP, 23, Pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam



GEJALA sosial yang melanda kini sangat membimbangkan kerana ia telah mulai melibatkan masalah akidah remaja. Tanpa disedari sudah ada pihak-pihak tertentu yang cuba untuk memesongkan akidah golongan belia hari ini.



Justeru pihak berkuasa termasuk ibu bapa harus memainkan peranan kerana isu atau kes berkaitan akidah ini sangat membimbangkan.

- NUR HAFIZAH AHMAD PUZI, 24, Ahli Global Peace Mission Malaysia

BENAR seperti apa yang dibincangkan oleh ahli panel bahawa punca masalah sosial ini adalah diri sendiri kerana remaja hari ini kurang mengenali diri mereka sendiri.



Tidak berfikir panjang dan menilai kesan yang bakal dihadapi merupakan kelemahan yang ada pada remaja dan perkara ini amat membimbangkan kerana ia majoriti remaja terlibat adalah saudara sebangsa serta seagama kita.

- NURWAHIDAH AB. GANI, 27, Pelajar Sarjana Sains Sosial